

21 JAN 2000

Hamid-Lawatan

MALAYSIA MAHU TUBUH KEDUTAAN DI ALGERIA

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Malaysia bercadang menubuhkan kedutaan di Algeria sebagai membalas penubuhan kedutaan negara itu di sini, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Syed Hamid berkata, beliau akan bangkitkan isu Malaysia menubuhkan sebuah kedutaan di situ semasa lawatannya ke negara itu bermula Rabu depan.

Cadangan lawatan itu ialah untuk mewujudkan hubungan dengan pucuk pimpinan baru negara itu dan untuk meninjau bidang-bidang baru kerjasama, kata beliau dalam persidangan berita mengenai lawatannya ke Oman, Mesir dan Algeria yang bermula hari ini.

Semasa di Algeria, Syed Hamid dijadualkan mengunjungi Presiden Abdulaziz Bouteflika dan Perdana Menteri Ahmed Benbitour serta rakan sejawatannya Youcef Youfi.

Buat masa ini duta Malaysia di Rome ditauliahkan ke Algeria.

Jumlah perdagangan antara dua negara pada 1998 ialah RM60.71 juta dengan eksport utama Malaysia ialah tekstil, benang, majerin dan lemak serta peralatan memanas dan memasak. Algeria mengeksport ke Malaysia cecair propana dan butana dan barangan optikal.

Syed Hamid berkata, lawatannya ke Mesir dari 23 hingga 26 Jan merupakan susulan kepada lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 1998 iaitu sebelum sidang kemuncak G-15 di Khaerah.

Sementara berada di situ, Syed Hamid dijangka mengunjungi Presiden Hosni Mubarak dan Perdana Menteri Atief Obeid serta rakan sejawatannya, Amr Moussa dan Menteri Ekonomi Yusof Boutros Ghali.

Beliau juga dijangka mengadakan dialog dengan penuntut-penuntut Malaysia di situ dan mengadakan lawatan ke kilang minyak sawit Sime Darby di Bandaraya Ramadan.

Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara ialah RM1.2 bilion, hampir dua kali ganda berbanding 1997. Angka perdagangan January-September 1999 berjumlah RM876 juta.

Malaysia mengeksport minyak sawit, stearin sawit, getah asli dan televisyen sementara eksport Mesir ke Malaysia adalah produk seperti buah-buahan dan kacang, alas lantai dan permaidaini, kapas dan batu kelikir.

Sementara berada di Oman (Jan 21-23), Syed Hamid akan menghadiri Mesyuarat Majlis Menteri-menteri Persatuan Lingkaran Lautan Hindi Bagi Kerjasama Serantau (IOR-ARC) pada Ahad.

Beliau berkata, isu-isu untuk dibincangkan oleh majlis itu termasuk Pakistan sebagai anggota baru, perjanjian mengenai ibu pejabat, peraturan dan prosedur dan pertimbangan bagi laporan Kumpulan Kerja Perdagangan dan Pelaburan.

"Dengan negara itu berada berhampiran Lautan Hindi, adalah logik Pakistan menyertai perkumpulan itu," katanya apabila ditanya sama ada India memberi kelulusannya untuk majlis itu menerima Pakistan sebagai anggotanya.

Beliau berkata, Malaysia menjadi anggota majlis itu pada 1995 dan antara manfaat yang diterimanya ialah Malaysia boleh menerokai peluang-peluang pelaburan baru di negara-negara anggota.

IOR-ARC ditubuhkan di Mauritius pada 1995 dan objektifnya termasuk menggalakkan pertumbuhan berkekalan dan seimbang rantau itu. Ia kini mempunyai 19 anggota.

-- BERNAMA

ARA RM PR

